

Malaysia sokong usaha damai sempadan India-Pakistan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia menyokong usaha damai di benua kecil India-Pakistan dengan menegaskan kepentingan dialog serta kerjasama serantau bagi memastikan kestabilan dan keamanan berkekalan di rantau berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, isu keamanan di wilayah Kashmir itu amat penting kepada Asia termasuk negara-negara Islam, memandangkan ketegangan berpanjangan boleh menjejaskan keselamatan dan kemakmuran global.

“Kita turut membincangkan isu serantau dan antarabangsa, termasuk usaha mencari keamanan di benua kecil India-Pakistan, satu perkara yang penting bagi kita di rantau ini.

“Kita juga bersetuju untuk memperkukuh kerjasama dalam memerangi keganasan dan memastikan keamanan dapat dicapai secara menyeluruh,” katanya pada sidang akhbar bersama Muhammad Shehbaz Sharif sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Pakistan itu ke Malaysia, di Kompleks Perdana Putra, di sini semalam.

India dan Pakistan berkongsi salah satu sempadan paling bahaya di dunia sepanjang 3,323 kilometer (km) merangkumi 740km Zon Garisan Kawalan



ANWAR Ibrahim mengiringi Muhammad Shehbaz Sharif sempena lawatan rasmi selam tiga hari ke Malaysia di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

(LoC) serta Sempadan Antara-bangsa (IB) yang menjangkau kira-kira 2,400km, selain Garis Kedudukan Sebenar (AGPL) sepanjang no km yang memisahkan kedudukan tentera kedua-dua negara.

LoC pada asalnya dikenali sebagai Garis Gencatan Senjata pada 1949 selepas perang pertama antara New Delhi dan Islamabad, sebelum dinamakan semula di bawah Perjanjian Simla pada 1972.

Garis itu membahagikan wi-

layah Kashmir yang dituntut oleh kedua-dua kuasa nuklear berkenaan dan kekal sebagai salah satu sempadan paling dikawal ketat di dunia oleh pasukan tentera masing-masing.

Konflik di kawasan tersebut tidak pernah reda sejak lebih tujuh dekad lalu, manakala pelaksanaan gencatan senjata sering hanya bersifat sementara sebelum konfrontasi ketenteraan baharu tercetuh.

Sementara itu, Malaysia bersetuju meneroka potensi be-

sar dalam eksport daging halal bernilai sehingga AS\$200 juta (RM842 juta).

Anwar berkata, Malaysia menyambut baik minat Pakistan untuk mengeksport daging dan hasil ternakan ke negara ini dan akan memberi segala kemudahan sewajarnya bagi merealisasikan hasrat itu.

Manakala Muhammad Shehbaz menzahirkan penghargaan kerana membuka ruang pasaran lebih luas kepada produk daging dari negaranya.